

✓ Cadangan KPN bagi membendung perbuatan buang bayi

Hukum juga 'si bappa'

V.M. 7/02/07 MS1

KUALA LUMPUR 6 Feb. - 'Bapa' kepada bayi yang dibuang perlu dikenakan hukuman setimpal sama seperti wanita yang melakukan kesalahan itu sebagai usaha membendung perbuatan kejam tersebut.

Ketua Polis Negara (KPN), Tan Sri Musa Hassan ketika mencadangkan perkara itu menegaskan, untuk itu Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun terhadap wanita yang didapati bersalah membuang bayi yang diguna pakai sekarang perlu dilihat dan dikaji semula.

"Ketika ini Kanun Keseksaan mempunyai peruntukan hukuman penjara maksimum 20 tahun terhadap wanita yang didapati membuang bayi.

"Namun, undang-undang ini tidak memperuntukkan hukuman terhadap lelaki yang bertanggungjawab menghamilkan wanita yang dituduh membuang bayi itu.

● Statistik, reaksi kes buang bayi - Muka 3

"(Undang-undang) Inilah yang perlu dilihat semula agar ia memberi keadilan kepada pihak yang teraniaya," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas berita muka depan *Utusan Malaysia* bertajuk *Angkara Siapa?* yang turut menyiarkan gambar mayat seorang bayi dalam keadaan terdampar di atas rumput di Flat Lobak, Seremban, Negeri Sembilan.

Bayi berkenaan yang ditemui dengan kepala dan hidung masih berlumuran darah serta tali pusat yang masih terlekat dipercayai meninggal dunia dalam tempoh 24 jam di satu lokasi lain.

Ketua Polis Negara memberitahu, hubungan sebagai anak dan bapa dapat disahkan menerusi pelbagai kaedah termasuk ujian DNA untuk mengheret si bapa ke muka pengadilan.

Mengenai sikap wanita yang sanggup mengambil tindakan di luar dugaan seperti

Buang bayi: Apa kata mereka

U.M. NIS 7/02/07

KELAKUAN itu tidak sepatutnya berlaku. Kita mesti sayang setiap makhluk yang bernyawa apatah lagi anak sendiri. Jika kita sanggup mengandung selama sembilan bulan, mengapa selepas melahirkannya tergamak pula kita membunuh darah daging sendiri?

Undang-undang patut dilihat semula supaya lelaki yang menyebabkan seseorang wanita itu hamil dan mendorong membuang bayi itu harus dikenakan hukuman yang setimpal.

– **DATIN SERI ROSMAH MANSOR**
Isteri Timbalan Perdana Menteri



SAYA menolak sekeras-kerasnya perbuatan membuang bayi dan menasihatkan ibu-ibu yang terdesak itu agar menyerahkan kepada pihak yang ingin menjaganya.

Kebanyakan ibu ini terdesak dan tidak mahu dikenal pasti kerana kehamilan mereka itu berlaku secara luar nikah. Apatah lagi, wujudnya stigma negatif terhadap wanita sebegini.

Justeru, asas kesedaran pergaulan perlu dipupuk sejak awal lagi, pendidikan moral daripada ibu bapa dan sekolah juga perlu ditekankan sepenuhnya terhadap golongan muda.

– **TUN DR. SITI HASMAH MOHD. ALI**



KEBANYAKAN gejala buang bayi ini berlaku kerana mereka tidak memperoleh maklumat yang boleh

membantu menyelesaikan masalahnya.

Mereka yang terlibat bimbang untuk ke depan kerana khuatir ditangkap dan didenda.

Akhimya jalan yang diambil ialah membuangkan bayi yang tidak berdosa itu.



SUNGGUH menyedihkan. Nyawa sudah tidak dihargai lagi walaupun kepada seorang bayi yang baru ingin merasa nikmat dunia.

Ini menandakan bahawa manusia sudah tiada maruah diri, tidak ada pegangan, tiada keperimanusiaan dan sifat bertanggungjawab terhadap perbuatan sendiri.

– **DATUK KAMILIA IBRAHIM**
Pengerusi Majlis Perunding Wanita



Kes Buang Bayi (2000 - 2006)



Negeri/Tahun	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006
Perlis	1	0	0	0	0	0	0
Kedah	2	4	2	4	0	1	3
Pulau Pinang	5	6	3	1	0	2	0
Perak	2	1	4	1	1	5	2
Selangor	22	30	25	33	25	20	24
Kuala Lumpur	5	14	11	3	3	1	0
Negeri Sembilan	4	7	5	7	6	4	3
Melaka	0	1	0	1	0	1	2
Johor	8	21	16	15	21	17	21
Pahang	3	3	12	4	1	1	3
Terengganu	3	0	0	1	4	0	1
Kelantan	0	0	2	0	0	1	1
Sabah	5	3	7	9	7	11	11
Sarawak	5	7	11	13	10	3	12
Jumlah	65	97	98	92	78	67	83

Pecahan mangsa mengikut umur

Umur/tahun	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006
Janin	4	10	3	15	6	6	4
Baru lahir	61	87	95	77	72	61	79
Jumlah	65	97	98	92	78	67	83